



KENYATAAN UMUM
KEMUDAHAN AKTIVITI PERLESENAN DAN
PENGUATKUASAAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA
ATOM (AELB) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di beberapa negeri seperti Kedah, Sabah, Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada bulan Oktober 2020 ini, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) terus komited untuk memberikan beberapa kemudahan berkaitan aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan untuk memfasilitasikan pihak industri dan pemegang lesen yang terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD dan PKPB tersebut.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) Membenarkan penggunaan meter tinjau (*survey meter*) yang telah tamat tempoh sah tentukuran dalam tempoh PKPD dan PKPB untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPD dan PKPB dan kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 30 November 2020 bagi

- membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan meter tinjau yang sah tentukuran;
- b) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan dalam tempoh PKPD dan PKPB untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPD dan PKPB dan kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 30 November 2020 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang sah selenggaraan
 - c) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah sijil ujian kebocoran dalam tempoh PKPD dan PKPB untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPD dan PKPB dan kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 30 November 2020 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang mempunyai sijil ujian kebocoran yang sah;
 - d) Membenarkan penggunaan alat pemantauan kakitangan dan alat pemantauan tempat kerja yang dipasang pada peralatan sinaran yang digunakan bagi bulan Oktober 2020 untuk terus digunakan sehingga November 2020;
 - e) Mempertimbangkan pengiktirafan semula untuk tempoh satu (1) tahun bagi Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) / Penyelia (PY) / Pengendali Perunding (PP) / Pengendali Perunding Bebas (PPB) yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dalam tempoh PKPD dan PKPB walaupun mata Program Pendidikan Berterusan (CEP) tidak mencukupi dan kelonggaran diberi bagi pengiktirafan PPS / PY yang tamat tempoh sehingga 30 November 2020;

- f) Mana-mana PPS/PY yang telah diberikan pengiktirafan semula semasa PKPD dan PKPB dengan kelonggaran pemeriksaan perubatan yang melebihi tiga (3) tahun hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan selepas tamat tempoh PKPD dan PKPB;
- g) Memberikan kelonggaran kepada syarat pembaharuan lesen berkaitan tentukan meter tinjau iaitu boleh dipertimbangkan pembaharuan lesen bagi meter tinjau yang tamat tentukan sehingga 30 November 2020; dan
- h) Selari dengan prinsip penjarakan sosial yang ditekankan oleh Kerajaan, AELB mengalakkan pusat latihan untuk menjalankan Kursus Kesedaran Perlindungan Sinaran (*Radiation Safety Awareness Program*) secara atas talian berdasarkan silibus kursus yang diiktiraf oleh AELB.

AELB berharap agar kemudahan yang disediakan ini dapat meringankan beban dan membantu pihak industri dan pemegang lesen dalam operasi harian yang berkaitan aktiviti tenaga atom sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD dan PKPB. Sila ambil perhatian bahawa pemegang lesen adalah kekal tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) serta peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
Dikemaskini 21 Oktober 2020